

**TRANSFORMASI ORGANISASI MASYARAKAT
SIVIL DAN KELESTARIAN PERDAMAIAN DI
ACEH, INDONESIA**

AFRIZAL TJOETRA

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2017

**TRANSFORMASI ORGANISASI MASYARAKAT
SIVIL DAN KELESTARIAN PERDAMAIAIN DI
ACEH, INDONESIA**

oleh

AFRIZAL TJOETRA

**Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah**

Februari 2017

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur tiada terhenti ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah rahmat dan kurniaNya hingga saya dapat menempuh pendidikan program ijazah Ph.D. Selawat dan salam ke atas Nabi Muhammad S.A.W junjungan umat segenap alam yang membawa kesejahteraan dan syafaat kepada manusia yang beriman.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Penyelia Profesor Dr. Kamarulzaman Askandar dan isteri Dr. Ayesah Abubakar yang banyak berkorban masa dan tenaga dalam membimbing saya menyiapkan penyelidikan ini. Tidak lupa juga kepada rakan-rakan seperjuangan di REPUSM, iaitu kepada kanda Saifuddin Bantasyam, Aizat Khairi, Mior Khairul Azrin, serta Azman yang tidak jemu-jemu memberi sokongan dan berkongsi ilmu sepanjang belajar bersama. Berikutnya, ucapan terima kasih kepada Dr. Yatno, Dr. Che Mohd. Aziz Yacob dan Dr. Suadi Zainal yang tidak terhenti memberi sokongan agar saya dapat menyelesaikan penyelidikan ini. Begitu juga pada Norazrina selaku staf pentadbiran di REPUSM yang memberi penuh sokongan dan kerjasama dalam melaksanakan penyelidikan ini.

Ucapan terima kasih juga kepada Universiti Sains Malaysia (USM) yang memberi kesempatan kepada saya untuk melaksanakan studi program doktoral. Saya doakan agar USM menjadi sebuah institusi pengajian tinggi yang berkembang pesat dan terkenal di mata dunia. Berikutnya, saya sampaikan ucapan terima kasih kepada Pemerintah Aceh yang memberikan *fellowship* kepada saya. Tanpa biasiswa daripada Pemerintah Aceh dan sokongan Universitas Teuku Umar (UTU) kemungkinan saya tidak mampu untuk menampung perbelanjaan kewangan sepanjang saya menyiapkan Ijazah Doktor Falsafah ini. Berikutnya, ucapan terima kasih pada Bapak/Ibu dan rakan-rakan Organisasi Masyarakat Sivil (OMS) di Aceh, utamanya kepada kanda

Dr. Otto Syamsuddin Ishak, T. Kamaruzzaman, Suraiya Kamaruzzaman, Lukman Age, Rizal Usman, Sudarman dan Sholihin (Forum LSM Aceh), Mariaty (KKTG Aceh), Nursiti (BSUIA), Fadly Sy, Fitriani (SULoH), Faisal Hadi, Zulfikar Muhammad (Koalisi NGO HAM Aceh), Mustiqal Syah Putra (LBH Banda Aceh), Hendra Saputra (KontraS Aceh), Zulfikar Arma (JKMA Aceh), Juanda Djamal (ACSTF), Askhalani (GeRAK Aceh), Alfian (MaTA), dan H. Hamid Zein (Setia usaha DPR Aceh). Berikutnya, rakan-rakan di Aceh Student Community (ASC) Penang dan rakan-rakan Komisioner di Komisi Informasi Aceh (KIA) serta staf Sekretariat KIA yang memberi sokongan atas raihan saya menyiapkan penyelidikan ini.

Tesis ini adalah tanda pengorbanan seorang isteri bersama ananda. Oleh itu, ucapan kasih dan sayang yang tidak terhingga buat isteri tercinta Cut Ernawati, S.Pd binti Ilyas Maddan dan ananda tercinta Rahma Dania Tjoetra yang sentiasa sabar dan memberi sokongan sehingga saya tetap semangat menjayakan tulisan ini. Begitu juga kepada Ayahanda Tjoet Teh bin Sampe dan Ibunda Rapinah binti Ibnu Hasyim (Almarhumah) yang tidak jemu-jemu mendoakan dan menyokong saya untuk berjaya dalam hidup, di samping kakak-adik yang selama ini banyak memberi semangat untuk melihat saya berjaya.

Sumbangan yang diberikan pelbagai pihak amat bernilai buat saya. Hanya Allah S.W.T sahaja yang dapat membalaunya. Di sini saya berdoa kepadaNya semoga kita semua mendapat rahmat dan berjaya dunia akhirat kelak. Diharapkan tesis ini dapat memberi sumbangan bagi perkembangan ilmu pengetahuan sosial, khasnya bidang konflik dan perdamaian. Amin.

AFRIZAL TJOETRA

REPUSM, 2016

Universiti Sains Malaysia

SENARAI KANDUNGAN

PENGHARGAAN	ii
SUSUNAN KANDUNGAN	iii
SENARAI JADUAL	vii
SENARAI RAJAH	viii
SENARAI ABRIVIASI	ix
SENARAI LAMPIRAN	xi
ABSTRAK	xiv
ABSTRACT	xvii

BAB SATU : PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Sorotan Karya	7
1.3.1 Perkembangan Organisasi Masyarakat Sivil Aceh	10
1.3.2 Tipologi Organisasi Masyarakat Sivil Aceh	14
1.3.3 Simbol Berdikari dan Potensi Sumberdaya Organisasi Masyarakat Sivil	17
1.3.4 Hubungan Organisasi Masyarakat Sivil dengan Pembuat Dasar	20
1.3.5 Pembinaan Perdamaian Berterusan di Aceh	21
1.4 Kerangka Konseptual Teori Kajian	24
1.4.1 Masyarakat Sivil dan Organisasi Masyarakat Sivil	24
1.4.2 Peranan Organisasi Masyarakat Sivil dan Pembinaan Perdamaian	25
1.4.3 Kaedah Transformasi Konflik	28
1.5 Pernyataan Masalah	28
1.6 Persoalan Kajian	31
1.7 Matlamat Kajian	32
1.8 Metodologi Penyelidikan	34
1.8.1 Jenis Data	34

1.8.2	Kaedah Pengumpulan Data	39
1.8.3	Skop dan Batasan Kajian	40
1.9	Kepentingan Kajian	41
1.10	Huraian dalam Semua Bab	42

**BAB DUA : KONSEP ORGANISASI MASYARAKAT SIVIL,
TRANSFORMASI KONFLIK DAN PEMBINAAN
PERDAMAIAIN**

2.1	Pengenalan	44
2.2	Konsep tentang Masyarakat Sivil dan Organisasi Masyarakat Sivil	44
2.2.1	Perkembangan Masyarakat Sivil dan Organisasi Masyarakat Sivil	44
2.2.2	Jenis dan Bentuk Organisasi Masyarakat Sivil	54
2.2.3	Organisasi Masyarakat Sivil dalam Pembinaan Perdamaian	57
2.3	Konsep Transformasi Konflik dan Pembinaan Perdamaian	60
2.3.1	Konflik dan Perdamaian	60
2.3.2	Transformasi Konflik dan Pembinaan Perdamaian	63
2.3.3	Pembinaan Perdamaian yang Berterusan	72
2.3.4	Peranan Organisasi Masyarakat Sivil dalam Pembinaan Perdamaian yang Berterusan	75
2.4	Kesimpulan	91

BAB TIGA : SEJARAH KONFLIK DAN PERDAMAIAIN ACEH

3.1	Pengenalan	93
3.2	Proses dan Konteks Konflik Aceh	94
3.2.1	Perang Aceh dengan Belanda	94
3.2.2	Sokongan Aceh dalam Pembentukan Kerajaan Indonesia	99
3.2.3	Konflik Pemisah terhadap Kerajaan Indonesia	103
3.2.3(a)	Period Darul Islam/Tentera Islam Indonesia (DI/TII) 1953 - 1962	111
3.2.4(b)	Period Gerakan Aceh Merdeka (GAM) 1976 – 2005	115
3.3	Proses Perdamaian di Aceh	122
3.3.1	Tahapan Perdamaian	122

3.3.1(a) Pengurusan Perdamaian Period DI/TII	123
3.3.2(b) Pengurusan Perdamaian Period GAM	127
3.3.2 Sokongan Antarabangsa untuk Perdamaian	134
3.4 Peranan Aktor dalam Perdamaian	136
3.5 Perkembangan Perdamaian Aceh Masa Kini	137
3.6 Kesimpulan	144

BAB EMPAT : PERANAN ORGANISASI MASYARAKAT SIVIL DI ACEH SEBELUM DAN PASCA MoU HELSINKI

4.1 Pengenalan	146
4.2 Peranan Organisasi Masyarakat Civil Aceh Sebelum MoU Helsinki	148
4.2.1 Organisasi Masyarakat Civil Aceh dan Agenda Pemerksaan	149
4.2.2 Advokasi Pencabulan HAM di Aceh	155
4.2.3 Advokasi Penamatan Daerah Operasi Militer	162
4.3 Peranan Organisasi Masyarakat Civil dalam Perdamaian Aceh	167
4.3.1 Duek Pakat Inong Aceh	168
4.3.2 Jeda Kemanusiaan	172
4.3.3 Damai Melalui Dialog	175
4.3.4 Cessation of Hostilities Agreement	176
4.4 Peranan Organisasi Masyarakat Civil Aceh Pasca MoU Helsinki	202
4.4.1 Aktor-aktor Utama OMS di Aceh dalam Perdamaian	203
4.4.2 Jenis dan Fungsi OMS Aceh dalam Pembinaan Perdamaian	205
4.4.3 Penyertaan Organisasi Masyarakat Civil Pasca Tsunami	207
4.4.4 Penyertaan Organisasi Masyarakat Civil dalam Advokasi Dasar	212
4.5 Peranan Strategis Organisasi Masyarakat Civil Aceh dalam Pembinaan Perdamaian	215
4.6 Usaha dan Cabaran Organisasi Masyarakat Civil Aceh dalam Transformasi Konflik	225
4.7 Kesimpulan	228

BAB LIMA : ANALISIS PERANAN STRATEGIK OMS UNTUK PERDAMAIAIN YANG LESTARI DI ACEH

5.1	Pengenalan	230
5.2	Peranan dan Sifat OMS Aceh Pada Era Konflik, Pasca Bencana dan Pembinaan Perdamaian	232
5.3	Transformasi OMS di Aceh untuk Perdamaian yang Lestari	241
5.4	Peranan Utama OMS di Aceh untuk Keberlanjutan Perdamaian; Advokasi Dasar, Pemantauan untuk <i>Good and Clean</i> <i>Government</i> , dan Pemerksaan Masyarakat	257
5.4.1	Advokasi Dasar	258
5.4.2	Pemantauan untuk <i>Good and Clean Government</i>	262
5.4.3	Pemerksaan Masyarakat	267
5.5	Kedudukan dan Cabaran OMS di Aceh Untuk Perdamaian Lestari	269
5.6	Kesimpulan	275

BAB ENAM : KESIMPULAN DAN CADANGAN

6.1	Pengenalan	278
6.2	Transformasi Organisasi Masyarakat Sivil : Peranan Organisasi Masyarakat Sivil di Aceh untuk Perubahan Sosial	279
6.2.1	Pencapaian Kajian dan Pencapaian Masa Depan	279
6.2.2	Kelemahan dan Penambahbaikan	289
6.3	Cadangan Keberlanjutan Peranan Organisasi Masyarakat Sivil di Aceh dan Penerusan Kajian Masa Depan	290

SENARAI RUJUKAN	295
------------------------	-----

LAMPIRAN

SENARAI JADUAL

	Muka surat
Jadual 1	Pecahan Kategori Responden untuk Temu Bual
Jadual 2	Sifat-sifat Pertubuhan Bukan Kerajaan
Jadual 3	Peta Paradigma LSM
Jadual 4	Ringkasan Kekuatan, Kelemahan, dan Tantangan OMS
Jadual 5	Profil Forum LSM Aceh
Jadual 6	Profil Kelompok Kerja Transformasi Gender (KKTG) Aceh
Jadual 7	Profil SULoH
Jadual 8	Profil Koalisi NGO HAM Aceh
Jadual 9	Profil Lembaga Bantuan Hukum (LBH) Banda Aceh
Jadual 10	Profil KontraS Aceh
Jadual 11	Jenis dan Jumlah Mangsa DOM
Jadual 12	Profil Balai Syura Ureung Inong (BSUI) Aceh
Jadual 13	Profil Jaringan Komunitas Masyarakat Adat (JKMA) Aceh
Jadual 14	Profil Acehnese Civil Society Task Force (ACSTF)
Jadual 15	Profil GeRAK Aceh
Jadual 16	Profil MaTA
Jadual 17	Posisi, Bentuk dan Ciri Khas OMS Era Bencana Tsunami dan Perdamaian Aceh
Jadual 18	Pertubuhan dan Wilayah Kerja ANCORS
Jadual 19	<i>On Budget</i> (APBN) Dana Yang Dikelola BRR NAD-NIAS
Jadual 20	Pengajuan Permohonan Maklumat Berdasarkan Perseorangan, Kelompok Orang, dan Badan Hukum

SENARAI RAJAH

	Muka surat	
Rajah 1	Kerangka Kerja Penyelidikan	34
Rajah 2	Kerangka Evolusi dan Ragam Konsep Masyarakat Sivil	49
Rajah 3	Ragam Kedudukan OMS	52
Rajah 4	Acuan Konseptual Masyarakat Sivil	53
Rajah 5	Aktor dan Pendekatannya dalam Pembinaan Perdamaian	69
Rajah 6	Model Peranan OMS di Aceh untuk Pembinaan Perdamaian yang Lestari	89
Rajah 7	Perbandingan Ahli GAM dan Mangsa dalam Konflik Aceh (1999-2002)	120
Rajah 8	Nota Kesepahaman Mewujudkan "Open Puskesmas" di Kota Banda Aceh	202
Rajah 9	Perubahan Sifat Pertubuhan di Aceh dalam Pembinaan Perdamaian	249
Rajah 10	Perubahan Isu OMS di Aceh	251
Rajah 11	Sifat-sifat Pertubuhan	256
Rajah 12	Perubahan Sifat Pertubuhan di Aceh dalam Pembinaan Perdamaian	270

SENARAI ABRIVIASI

ACSTF	Acehnese Civil Society Task Force
AEDFF	Aceh Economic Development Financing Facility
AID	All Inclusive Dialogue
AHRC	Asian Human Right Committee
ANCORs	Acehnese Civil Society Organization Strengthening
AMM	Aceh Monitoring Mission
AWG	Aceh Working Group
BKOW	Badan Koordinasi Organisasi Wanita
BRA	Badan Reintegrasi Damai Aceh
BRR	Badan Rehabilitasi dan Rekonstruksi
CoHA	Cessation of Hostilities Framework Agreement
DI/TII	Darul Islam / Tentera Islam Indonesia
DMD	Damai Menerusi Dialog
DOM	Daerah Operasi Militer
DPA	Dewan Perwakilan Anggota
DPIA	Duek Pakat Inong Aceh
DPRA	Dewan Perwakilan Rakyat Aceh
DPR RI	Dewan Perwakilan Rakyat Republik Indonesia
FGD	Focus Group Discussion
GAM	Gerakan Aceh Merdeka
GDP	Gross Domestic Product
GeRAK Aceh	Gerakan Rakyat Anti Korupsi Aceh
HAM	Hak Asasi Manusia
HANTAM	Himpunan Aktivis Anti Militer
HDC	Henry Dunant Centre
IFA	International Forum for Aceh
JATAM	Jaringan Tambang
JDA	Jaringan Demokrasi untuk Aceh
JKMA	Jaringan Kerja Masyarakat Adat Aceh
JSC	Joint Security Committee
KAB	Konsorsium Aceh Baru
Kagempur	Koalisi Gerakan Mahasiswa dan Pemuda Aceh Barat

KBAK	Komite Bersama Aksi Kemanusiaan
KBMK	Komite Bersama Modalitas Keamanan
KEPRES	Keputusan Presiden
KIA	Komisi Informasi Aceh
KIP	Komisi Independen Pemilihan
KKA	Kertas Kraf Aceh
KKR	Komisi Kebenaran dan Rekonsiliasi
KKTGA	Kelompok Kerja Transformasi Gender Aceh
KMMK	Komite Monitoring Modalitas Keamanan
KPU	Komisi Pemilihan Umum
KPUD	Komisi Pemilihan Umum Daerah
KOMNAS HAM	Komisi Nasional Hak Asasi Manusia
Korem	Komando Resort Militer
IAIN	Institut Agama Islam Negeri
LBH	Lembaga Bantuan Hukum
LP3ES	Lembaga Penelitian, Pendidikan dan Penerangan Ekonomi dan Sosial
LSM	Lembaga Swadaya Masyarakat (Pertubuhan Bukan Kerajaan)
MaTA	Masyarakat Transparansi Aceh
MoU	Memorandum of Understanding
NDI	The National Demokratic International
NGO	Non Government Organization (Pertubuhan Bukan Kerajaan)
OCM	Operasi Cinta Meunasah
OMS	Organisasi Masyarakat Sivil
Ormas	Organisasi Masyarakat
Ornop	Organisasi Non Pemerintah (Pertubuhan Bukan Kerajaan)
PBB	Perserikatan Bangsa-Bangsa
PECAPP	Public Expenditure Analysis and Capacity Strengthening Program
PERMATA	Perhimpuan Masyarakat Tani Aceh
PKBI	Perkumpulan Keluarga Berencana Indonesia
PNPM	Program Nasional Pemerkasaan Masyarakat
PUSA	Persatuan Ulama Seluruh Aceh

SCF	Save The Children
SCHRA	Support Committee for Human Right in Aceh
SDM	Sumberdaya manusia
SIRA	Sentral Informasi Referendum Aceh
SMuR	Solidaritas Mahasiswa untuk Rakyat
SPKP HAM	Solidaritas Persaudaraan Mangsa/Korban Pelanggaran HAM Aceh
SPM	Standar Pelayanan Minimal
TNI	Tentera Nasional Indonesia
RI	Republik Indonesia
RUU PA	Rancangan Undang-undang tentang Pemerintahan Aceh
USAID	United State Agency for International Development
UU PA	Undang-undang tentang Pemerintahan Aceh
YLBHI	Yayasan Lembaga Bantuan Hukum Indonesia
WCC	Women Crisis Centre
WIM	Wahana Informasi Medan

SENARAI LAMPIRAN

- Lampiran A Daftar Anggota Forum LSM Aceh
- Lampiran B Daftar Anggota Kelompok Kerja Transformasi Gender Aceh
- Lampiran C Daftar Anggota Koalisi NGO HAM Aceh
- Lampiran D Daftar Anggota Jaringan Kerja Masyarakat Adat Aceh
- Lampiran E Panduan Soalan Selidik

TRANSFORMASI ORGANISASI MASYARAKAT SIVIL DAN

KELESTARIAN PERDAMAIAIN DI ACEH, INDONESIA

ABSTRAK

Penyelidikan ini dilakukan untuk menganalisis peranan yang dimainkan oleh Organisasi Masyarakat Sivil (OMS) di Aceh pada era konflik, pasca bencana tsunami, serta pasca MoU Helsinki. Persoalan utama yang ditimbulkan oleh kajian ini adalah sama ada usaha yang dilakukan OMS itu telah menyumbang kepada penyelesaian konflik Aceh serta membantu mewujudkan perdamaian yang berkelanjutan. Penyelidikan ini dilakukan dengan menggunakan kaedah kualitatif untuk menganalisis data primer dan sekunder. Kumpulan data dianalisis mengikut kerangka teoritikal dan pemboleh ubah yang dibentuk melalui pengumpulan teori-teori dalam bidang sosiologi, konflik, perdamaian, dan OMS. Kajian ini mendapati bahawa OMS di Aceh telah aktif melaksanakan pelbagai usaha pembinaan perdamaian dengan peranan yang berbeza. Sumbangan OMS dalam menamatkan konflik bermula dengan membantu pembinaan kepimpinan di peringkat akar-umbi, seterusnya memperkasakan pula kepimpinan di peringkat pertengahan dan atasan. Peranan dan pendekatan OMS di Aceh pula disesuaikan dengan arus perubahan sosial yang berlangsung pada setiap ketika dan fasa yang berbeza. Sebelum MoU pendekatan ini lebih bersifat konfrontasi dengan pelaksana dasar, tetapi berubah kepada partisipatif dan kerjasama selepas perjanjian damai di Helsinki. Antara langkah strategik yang dimainkan OMS di Aceh termasuk meningkatkan kapasiti kepimpinan

pertubuhan dalam perumusan dasar, serta membina kader-kader muda menerusi pelatihan dan bengkel kerja, meningkatkan kerjasama antara pertubuhan mahupun jaringan pertubuhan, dan membina kerjasama dan hubungan baik dengan pemerintah untuk mendorong perubahan perkhidmatan dan menghasilkan dasar yang sesuai dengan perubahan yang berlaku. Kajian ini merumuskan bahawa OMS di Aceh harus mempunyai kedudukan yang bebas, mampu mengelola pertubuhan dengan baik termasuk re-generasi kepimpinan, serta menjadi pertubuhan yang telus, bertanggungjawab serta mencari dana operasi dengan sendiri. OMS di Aceh juga harus boleh berdikari dan bersedia berhadapan dengan pihak kerajaan sama ada dalam mendukung atau mempengaruhi dasar. OMS juga perlu berusaha meningkatkan penyertaan masyarakat dalam pembangunan, serta memastikan dan memperluas keterbukaan maklumat awam, peningkatan kesejahteraan hidup menerusi pemenuhan layanan dasar dan program pengembangan ekonomi. Walau bagaimanapun, kajian ini mendapati bahawa selepas MoU Helsinki peranan OMS di Aceh mengalami penurunan. Di samping itu, OMS di Aceh juga masih memiliki ketergantungan yang tinggi pada sokongan dana dari luar Aceh, sama ada peringkat nasional mahupun antarabangsa. Keadaan ini memberi impak negatif kepada keberlanjutan peranan OMS di Aceh dalam pembinaan perdamaian. Untuk memastikan bahawa OMS di Aceh tetap relevan, upaya transformasi diri perlu dilakukan agar OMS mampu bekerjasama dengan pelbagai pihak termasuk pemerintah dan masyarakat.

THE TRANSFORMATION OF CIVIL SOCIETY ORGANISATIONS AND THE SUSTAINABILITY OF PEACE IN ACEH, INDONESIA

ABSTRACT

The study aims to analyze the role of the Aceh Civil Society Organizations (CSOs) during the armed conflict, post-tsunami Aceh, and post MoU Helsinki. The main questions raised are whether the efforts of CSOs have contributed to the solution of the conflict in Aceh, and whether the efforts have helped to create a sustainable peace. The research was conducted using qualitative methods for analyzing primary and secondary data. The data set was analyzed according to the theoretical and variable frameworks formulated through the combination of theories from sociology, conflict, peace, and CSOs studies. The study found that CSOs in Aceh have been actively implementing various peace-building efforts through different roles. Aceh CSOs' contributions to help end the conflict began with the building of the leadership at the grassroots level, thus strengthening the middle-range leadership and top leadership. The roles and approaches of the CSOs have been adapted to social changes that have taken place at each points and at different phases. Before the MoU, the approach was more confrontational against the policy makers, but changed to a more participatory and cooperative way after the Helsinki peace accord. Among the strategic measures carried out by the CSOs in Aceh include increasing the capacity of the leadership of organizations in the formulation of policies, building a cadre of young people through trainings and workshops, enhancing

cooperation between the organizations or networks of organizations, and building cooperation and good relations with the government. These efforts were aimed to encourage improvement of public services and to encourage policy making that are more synchronic with the social changes that have been taking place. This study concludes that CSOs in Aceh should have an independent position, should build their ability to adequately manage the organizations with strong re-generation of leadership, establish more transparent and accountable organizations, and able to seek funding for its own operations. CSOs in Aceh also should be more independent and ready to deal with the government either in supporting or influencing the policies. Aceh CSOs should also try to increase public participation in development, to ensure and to expand the transparency of public information, and to increase the people's well-being through the fulfillment of basic services and economic development programs. However, this study found that after the MoU the role of CSOs in Aceh has decreased. In addition, CSOs in Aceh still have a high dependence on funding from outside Aceh, whether at the national or international levels. This situation has a negative impact on the sustainability of CSO's role in peace building in Aceh. To ensure CSOs in Aceh remain relevant, efforts of self-transformation should be taken to enable the CSOs to cooperate with various parties, including the government and the public.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Pertubuhan Bukan Kerajaan atau *Non Governmental Organization* (NGO)¹ telah wujud lama di Aceh. Pertubuhan bermaksud sebahagian Organisasi Masyarakat Sivil (OMS) yang membawa usaha-usaha menerusi pelbagai program yang dijalankan, seperti pemerkesan ekonomi masyarakat, penyebaran maklumat dan pemerkesan kapasiti masyarakat lainnya. Usaha-usaha tersebut dijalankan secara tersembunyi mahupun terbuka.

Pasca reformasi 1998, usaha pertubuhan dan kumpulan pertubuhan di Aceh telah memberikan sokongan bagi pembinaan perdamaian. Realiti ini ditanda dengan wujudnya aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh pensyarah, pelajar-pelajar universiti mahupun kumpulan lainnya.

Fahaman mengenai OMS hingga kini masih lagi didapati dalam bentuk yang beragam. Pada umumnya OMS boleh bermaksud sebagai sebuah arena. Ia berbeza daripada kerajaan dan pasar di mana ahli-ahli masyarakat berkumpul dan berinteraksi antara satu dengan yang lain bagi mendefinisikan, menyatakan, dan menyokong nilai-nilai, hak-hak serta kepentingan-kepentingan mereka².

Penyelidikan ini dilakukan untuk melihat peranan yang telah dijalankan OMS pada fasa konflik hingga wujudnya perdamaian dan melihat cabaran yang dihadapi oleh OMS di Aceh. Penyelidikan ini juga mengkaji isu-isu strategik yang dilakukan

¹ Pada sejumlah aktivis di Indonesia istilah NGO juga disebut dengan nama lain, iaitu Organisasi Non Pemerintah (Ornop) atau Lembaga Swadaya Masyarakat (LSM).

² Abdi Suryaningati (2003) *Menilai Tingkat Kesehatan Masyarakat Sipil: Petunjuk Penggunaan Indeks Masyarakat Sipil CIVICUS*. Jakarta: Yappika. Halaman 15.

OMS di Aceh untuk memastikan pembinaan perdamaian di Aceh pasca *Memorandum of Understanding* (MoU) Helsinki terus berkekalan.

1.2 Latar Belakang Kajian

Sokongan untuk menamatkan konflik Aceh telah lama berlangsung yang berakhir dengan persefahaman perdamaian pada tarikh 15 Ogos 2005. Ia dikenali dengan nama MoU Helsinki. Sokongan damai Aceh terbuka luas sejak 1998 selari dengan runtuhnya kuasa Orde Baru Soeharto di Indonesia. Sokongan tersebut melibatkan pihak-pihak dengan pelbagai latar belakang seperti para pensyarah, mahasiswa, dan *Civil Society Organisation* (CSO) atau OMS, sama ada pada peringkat tempatan maupun nasional.

Usaha yang dilakukan pihak-pihak tersebut telah membawa perubahan sosial daripada situasi konflik kepada perdamaian. Ia bersesuaian dengan pandangan sosiologis terhadap perkembangan komuniti. Berdasarkan Piotr Sztompka (2004), perubahan sosial bermakna bahawa terdapat perbezaan antara keadaan sistem tertentu dalam jangka waktu berlainan atau sebagai perubahan yang terjadi di dalam atau mencakup sistem sosial³. Seterusnya, Sztompka (2004) menghuraikan bahawa komuniti sentiasa berubah pada semua peringkat kerumitan dalamannya. Di peringkat makro berlaku perubahan ekonomi, politik, dan budaya. Di peringkat mezo berlaku perubahan kumpulan, komuniti, dan pertubuhan. Di peringkat mikro berlaku perubahan interaksi dan tingkah laku peribadi⁴. Berikutnya, Nanang Martono (2011) menyatakan bahawa tidak ada masyarakat yang tidak mengalami perubahan, walaupun dalam taraf yang paling kecil sekalipun, masyarakat (yang di dalamnya

³ Piotr Sztompka (2004) *Sosiologi Perubahan Sosial*, Jakarta: Prenada Media. Halaman 3.

⁴ *Ibid*, halaman 65.

terdiri atas banyak sekali individu) akan sentiasa berubah⁵. Dengan demikian, komuniti selalu bergerak, berkembang, dan berubah, terutamanya menyokong keadaan yang diharapkan oleh masyarakat. Perkara ini selari dengan huraian J. Dwi Narwoko – Bagong Suyanto (2004)⁶ iaitu masyarakat boleh jadi memang tidak pernah diam. Dinamika masyarakat ini terjadi kerana faktor dalaman yang melekat dalam diri masyarakat itu sendiri dan juga kerana faktor luaran persekitaran.

Berkaitan OMS⁷ sebagai salah sebuah penyokong perubahan sosial, di mana ia difahami pelbagai hingga kini. Antaranya pandangan yang menampung pelbagai bentuk pertubuhan yang wujud di tengah-tengah masyarakat bagi melakukan aktivitinya secara bersendirian dan terlepas daripada campur tangan kerajaan atau kumpulan pengusaha dinyatakan oleh CIVICUS⁸. Walaubagaimanapun takrifan yang disampaikan merujuk kepada masyarakat sivil.

Dalam era konflik, peranan OMS di Aceh sangat penting bagi membina perdamaian. Aktiviti-aktiviti OMS dalam era pemberlakuan kawasan operasi ketenteraan Daerah Operasi Militer (DOM) dan pasca DOM dapat dilihat daripada penanganan isu. Isu utama pada period konflik adalah kemanusiaan dan perdamaian. OMS di Aceh banyak terlibat dalam menyokong agar tegaknya Hak Asasi Manusia

⁵ Nanang Martono (2011) *Sosiologi Perubahan Sosial: Perspektif Klasik, Modern, Posmodern, dan Poskolonial*. Edisi 1, cetakan 1. Jakarta: Rajawali Pers. Halaman 1.

⁶ J. Dwi Narwoko dan Bagong Suyanto (2004) *Sosiologi: Teks Pengantar dan Terapan*, Jakarta: Prenada Media. Halaman 356-357.

⁷ Afrizal Tjoetra dan Ferry Yunifer—editor (2009) *Investasi untuk Perubahan di Aceh*, Banda Aceh: IMPACT. Berikutnya dinyatakan bahawa OMS bukanlah sebuah istilah yang hanya diperuntukkan bagi Lembaga Swadaya Masyarakat (LSM) semata, tetapi juga merangkumi pertubuhan-pertubuhan keagamaan, pertubuhan rakyat, kumpulan sosial, pertubuhan perempuan, pertubuhan belia, kumpulan tani, pertubuhan buruh, pertubuhan profesi, dan lain-lain, termasuk LSM di dalamnya. Mengenai konsep OMS akan lebih dihuraikan pada Bab II.

⁸ CIVICUS merupakan sebuah pertubuhan bukan keuntungan peringkat antarabangsa yang keanggotaannya terdiri dari kumpulan Organisasi Masyarakat Sivil (OMS) dan individu yang mengikuti perkembangan masyarakat sivil di berbagai negara, sekaligus melakukan advokasi untuk pemerkasaan masyarakat sivil. Abdi Suryaningati, 2003, *op.cit*, halaman 14.

(HAM) dan mengemukakan isu-isu perdamaian termasuk kepada proses-proses perdamaian⁹.

OMS yang menyokong damai di Aceh merupakan generasi yang transformatif. Proses penubuhan OMS yang dijalankan semasa ini telah pun menghasilkan pelbagai bentuk jenis; terdapat jenis konformisme, reformis, dan jenis transformatif¹⁰. Generasi baru yang transformatif adalah kuasa masyarakat sivil, mereka daripada kalangan yang berpendidikan sama ada di alam pendidikan mahupun pertubuhan masyarakat. Mereka merupakan generasi yang mempunyai integriti moral, kritikal, beradab dan memiliki visi ke hadapan¹¹. Ragam usaha kumpulan masyarakat sivil, di luar sektor kerajaan dan swasta telah pun berjalan lama dengan pelbagai aktiviti, seperti; pengupayaan ekonomi, penguatan demokrasi dan perdamaian, serta dukungan terhadap pentadbiran kerajaan yang baik dan bersih¹².

Pada perkembangannya, didapati ada OMS sebelum tahun 1990 yang bersifat tempatan berasaskan keagamaan, cawangan pertubuhan peringkat kebangsaan dan pertubuhan yang ditubuhkan oleh parti politik. Namun, pada masa yang sama pertubuhan bukan kerajaan mula mengemuka dan dikenali secara luas. Jaringan nasional dan antarabangsa mulai terbentuk, baik melalui isu ekonomi, kemanusiaan, demokrasi dan HAM¹³.

⁹ Otto Syamsuddin Ishak (2009) *OMS Aceh sebagai Kekuatan Strategis*, makalah dibentangkan dalam *Persidangan Organisasi Masyarakat Sipil (OMS); Tindakan Strategis Paska Pemulihan ke Arah Pembangunan yang Berkelanjutan*, Banda Aceh 22-23 Mac 2009.

¹⁰ Mansour Fakih (2010) *Masyarakat Sipil untuk Transformasi Sosial; Pergolakan Ideologi LSM Indonesia*. Yogyakarta: Insist Press. Halaman 116-126.

¹¹ Sutoro Eko, dkk (2009) *Pelajaran dari Aceh; Masyarakat Sipil Mendemokratiskan Daerah*. Jakarta: Yappika. Halaman 7.

¹² Afrizal Tjoetra (2012) *Reposisi Organisasi Masyarakat Sipil (OMS) Aceh untuk Perdamaian. Proceeding of the ADIC 2012 Volume I “Sustainable Development and Achinese Welfare: Oppurtunities and Challenges”*, Aceh Development International Conference (ADIC), March 26-28, 2012, International Islamic University Malaysia. Halaman 323.

¹³ Otto Syamsuddin Ishak (2009) *Investasi untuk Perubahan di Aceh*. Banda Aceh: IMPACT. Halaman 74.

Seterusnya Otto Syamsuddin Ishak (2009) menyatakan bahawa OMS Aceh telah menerusi transformasi sesuai dengan konteks politik Aceh dan nasional. Transformasi berlaku daripada pelaku “gerakan sosial” sebagaimana takrifan Remdec¹⁴ menuju kepada pencetus perubahan dan sejarah sebagaimana makna Gramsci. Ia bertahan dengan terus “mentakrifkan, mengatakan, menyokong nilai-nilai, hak-hak dan kepentingan-kepentingan mereka” sebagaimana makna dari Civicus¹⁵.

Belum selesai penanganan pelbagai kes pencabulan hak asasi manusia di Aceh lagi, pada tarikh 26 Disember 2004, berlaku musibah gempa dan tsunami. Musibah tersebut merupakan gempa terkuat di dunia yang pernah wujud dalam dekad terakhir. Bencana tersebut pula mengakibatkan OMS di Aceh menderita dalam impak “terjangan gelombang” serius dalam pelaksanaan program. Ia mengakibatkan kehilangan pegawai, kakitangan dan kerosakan harta benda¹⁶.

Negara-negara di dunia telah memberi bantuan kesan daripada kejadian tersebut yang merangkumi bantuan fizikal dan lain-lain kepada masyarakat Aceh dan Nias. Dicatatkan sebanyak 44 buah negara sahabat yang turut serta membantu secara berterusan. Semasa darurat bencana, tercatat 16 ribu askar negara-negara sahabat ikut serta dalam apa yang disebut para pemerhati sebagai misi bukan peperangan terbesar setelah Perang Dunia Kedua. Sembilan buah kapal induk, 14 buah kapal perang, 31 buah pesawat terbang, dan 75 helikopter terlibat bagi menyelamatkan, membantu,

¹⁴ Resources Management & Development Consultants (REMDEC) ditubuhkan pada tahun 1994 di Jakarta. Pertubuhan ini ditubuhkan oleh Mansour Faqih, bersama dengan Roem Topatimasang, Zumrotin K.Susilo, Wardah Hafidz, Abdul Hakim Garuda Nusantara, Fauzi Abdullah, Mahendro, August Rumansara, Roy Tjiong, Sugeng Setiadi, dan Wilarsa Budiharga sebagai pertubuhan untuk perkhidmatan memudahkan dan perundingan pengembangan kemampuan (*capacity building*) pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan dan masyarakat. Akses www.remdec.co.id pada 17 Januari 2017.

¹⁵ Mengenai Pertubuhan Masyarakat Sivil diuraikan pada Bab II.

¹⁶ Tjoetra dan Yunifer, 2009, *op.cit*, halaman 1.

menyalurkan sumber makanan, dan bantuan kesihatan¹⁷. Fasa darurat ini dinyatakan tamat oleh Presiden RI¹⁸ pada 26 Mac 2005.

Dalam tempoh kritikal pasca tsunami, OMS ikut serta bagi membantu masyarakat Aceh yang menjadi mangsa dan melakukan lain-lain agenda. OMS turut terlibat dalam proses-proses pembinaan semula Aceh seperti sokongan memenuhi hak-hak mangsa serta menyumbang kepada penyusunan polisi pembinaan yang sedang berlangsung. Aktiviti-aktiviti utama OMS merangkumi pembinaan semula dan reintegrasi, penanganan pengungsi dan pemenuhan hak-hak mangsa. Keadaan ini menjadikan OMS dapat meningkatkan ketrampilan iaitu menjadi sukarelawan yang profesional, meningkatkan kebolehan dalam pengurusan dana dan jaringan sama ada pada peringkat nasional mahupun antarabangsa¹⁹.

Seluruh pengalaman OMS tersebut menjadikannya sebagai penggerak perubahan sosial dan politik di Aceh yang berlaku semasa period konflik hingga kepada proses pemulihan dan pembinaan semula pasca tsunami. Perkara ini disokong oleh sumber ehsan dan jaringan masyarakat serantau, serta masyarakat antarabangsa. Namun, terdapat cabaran yang harus dihadapi selari dengan sumber manusia yang mula berkurangan serta perubahan dinamika politik yang berlangsung di Aceh.

Fenomena pasca PEMILU²⁰ 2009, dilihat oleh OMS Aceh sebagai ancaman dan peluang. Peluang untuk menyokong perdamaian akan lebih baik. Proses pengambilan keputusan dalam dasar kerajaan akan lebih terbuka dengan penyertaan publik, serta potensi kerjasama dengan OMS dalam pembangunan kian terbuka. Dari perspektif lain pula, ini mungkin menjadi ancaman, pengalaman dalam kerajaan pengurus pentadbiran dari legislatif yang baru (utamanya dari parti tempatan), belum

¹⁷ *Ibid*, halaman 1.

¹⁸ Presiden Republik Indonesia dimaksud adalah Soesilo Bambang Yudhoyono pada period pertama, 2004-2009.

¹⁹ Otto Syamsuddin Ishak, 2009, *op.cit*, halaman 77.

²⁰ PEMILU iaitu Pemilihan Umum atau dalam kes ini pengundian untuk legislatif.

ada. Perkara ini boleh menyebabkan berlakunya proses yang dapat melambatkan fungsi dan peranan yang perlu dijalankan. Demikian pula peluang dan ancaman ke atas pengabaian kawalan terhadap kerajaan kerana kerajaan dan majoriti legislatif memiliki satu ‘corak’²¹.

Keadaan politik dan kerajaan yang berubah-ubah, sokongan antarabangsa yang mulai berakhir, serta pengalaman dan penglibatan OMS yang cukup banyak dalam pemulihan dan pembinaan semula Aceh, menjadi dasar bagi elemen-elemen masyarakat civil untuk memikirkan langkah strategik bagi masa hadapan. OMS di Aceh bebas memilih peranan menggerakkan masyarakat menuju Aceh baru²².

Oleh itu, perlu untuk memastikan keberlangsungan transformasi peranan OMS Aceh dalam perdamaian. Ini kerana terdapat perubahan keadaan iklim politik dan dasar pasca konflik terutamanya untuk memastikan keberlanjutan pembinaan perdamaian di Aceh pasca MoU Helsinki.

1.3 Sorotan Karya

Konsep masyarakat civil telah mengalami perubahan dari masa ke masa selari dengan tradisi pemikiran yang berlaku²³. Pada mulanya, konsep masyarakat civil merupakan bahagian dari kerajaan. Seterusnya, berkembang dengan adanya pemisahan antara masyarakat civil dan kerajaan bermula dari Adam Ferguson (1723-1816). Dalam bukunya *An Essay on the History of Civil Society*²⁴, Ferguson menggambarkan sejarah evolusi perkembangan umat manusia dari masyarakat primitif, masyarakat pertanian sampai kepada masyarakat industri (moden). Seterusnya, Ferguson menyatakan bahawa keadaan masyarakat berubah dari

²¹ Satu ”corak” dimaksud iaitu elit kerajaan dan legislatif dari parti yang sama. Ia boleh memberi sokongan ke atas perubahan yang diharapkan namun boleh pula memberi ancaman bagi perubahan yang sedang berlaku di Aceh pasca MoU Helsinki. Lihat *Investasi untuk Perubahan di Aceh*, IMPACT, 2009. Banda Aceh. Halaman 4.

²² Tjoetra dan Yuniver, 2009, *op.cit*, dalam Prakata *Investasi untuk Perubahan di Aceh*. Halaman ii.

²³ Rustam Ibrahim (2013) *Konsepsi Sejarah dan Pemikiran Masyarakat Sivil*, bahan tidak dipublikasikan.

²⁴ Adam Ferguson (1995) *Ferguson: An Essay on the History of Civil Society*. Cambridge University Press.

masyarakat barbar yang kasar ke masyarakat beradab yang halus budi bahasanya. Di dalam masyarakat moden wujud pula berbagai-bagai kegiatan dan mata pencaharian. Pembahagian kerja membuat masyarakat mula mengejar kepentingan individu dan melupakan semangat kebersamaan, semangat publik²⁵.

Penulisan berkaitan OMS (termasuk NGO/Ornop/LSM) di Indonesia antara lain dilakukan oleh Aswab Mahassin, Mansour Fakih, M.M. Billah, A.S. Hikam, Rustam Ibrahim, Adi Suryadi Culla, dan Suharko. Para ahli yang membincangkan mengenai wujudnya pertubuhan dan ideologi secara khasnya di Indonesia iaitu Aswab Mahassin, Mansour Fakih, M.M. Billah, dan A.S. Hikam. Sedangkan Rustam Ibrahim lebih memerincikan mengenai pengelolaan sebuah OMS.

Berikutnya, Adi Suryadi Culla dan Suharko lebih dikaitkan pada pengembangan NGO di Indonesia. Selain itu, Adi Suryadi Culla juga menghuraikan rekonstruksi pemikiran yang berkembang pada NGO di Indonesia. Mengenai berhubung NGO – Pemerintah di Indonesia, Suharko menyampaikan huraihan secara khas berdasarkan penyelidikan dengan isu tentang pengembangan tata pemerintahan yang demokratis tahun 1966-2001.

Sedangkan huraihan berkaitan peranan OMS dalam pencegahan konflik dan pembinaan perdamaian pasca konflik di Indonesia dilakukan oleh Lambang Trijono²⁶. Fokus utamanya ditujukan pada peranan OMS untuk memberikan sokongan perdamaian jangka panjang dan berterusan. Kajian yang dilakukan berdasarkan kepada pengamatannya atas kerja OMS dalam resolusi konflik di Indonesia.

Kaitan peranan OMS yang aktif menyokong perdamaian di Aceh telah menarik ramai penyelidik untuk membuat kajian dan menghasilkan penulisan.

²⁵ *Ibid.* Konsep mengenai Organisasi Masyarakat Sivil dihuraikan dalam Bab II, halaman 44 – 54.

²⁶ Lambang Trijono (2007) *Pembangunan Sebagai Perdamaian; Rekonstruksi Indonesia Pasca-Konflik*, Jakarta: Yayasan Obor Indonesia.

Penulisan yang dihasilkan ini boleh dikategorikan kepada tiga bahagian utama, iaitu sejarah, perbincangan akademik dan buku. Penulisan sejarah OMS di Aceh dihasilkan oleh Jufriadi²⁷ dan Tabrani Yunis²⁸. Penulisan yang dilakukan lebih menumpukan pada asal mula muncul NGO/LSM di Aceh. Berikutnya, Jufriadi menulis menerusi perbincangan akademik, manakala Tabrani Yunis pula menulis dalam laporannya yang disampaikan dalam sebuah seminar Wawasan tentang LSM Indonesia yang banyak menjadi rujukan terhadap sejarah perkembangan NGO di Aceh.

Selain itu, penulisan yang dilaksanakan Kamarulzaman Askandar²⁹, Lili Hasanuddin, Otto Syamsuddin Ishak, dan Zaim Saidi menghuraikan tentang strategik pengembangan dan cabaran yang dihadapi OMS pasca konflik dan tsunami di Aceh³⁰. Secara khas, penulisan Otto Syamsuddin Ishak juga banyak menghubungkan perkembangan OMS dengan peristiwa konflik di Aceh serta strategik masa hadapan yang boleh dilaksanakan oleh OMS di Aceh. Berikutnya, Amrizal J. Prang yang menghuraikan tentang cabaran yang berlaku terhadap OMS di Aceh terutamanya dalam tempoh konflik.

Penulisan akademik lainnya dilakukan oleh Lukman³¹ dan Arfriani Maifizar³². Lukman membincangkan tentang peranan masyarakat sivil dalam transformasi konflik di Aceh. Huraian yang disampaikan tentang pelbagai peranan yang dilakukan NGO di Aceh, khasnya semasa period konflik di Aceh untuk

²⁷ Jufriadi (1994) *Sejarah Gerakan Lembaga Pengembangan Masyarakat SCF dan Dampaknya Terhadap Masyarakat di Kec. Tangse Kab. Pidie*. Banda Aceh: Universitas Syiah Kuala.

²⁸ Tabrani Yunis (2000) *Kelahiran LSM di Aceh*. Prosiding Seminar Social Monitoring and Early Response Unit (SMERU), Wawasan tentang LSM Indonesia : Sejarah, Perkembangan, serta Prospeknya. 15 Agustus 2000. Halaman 46-60.

²⁹ Kamarulzaman Askandar (2005) *The Aceh Conflict and The Role of Civil Society*, pembentangan pada "Workshop on the Roles of Civil Society in Peace Building in Southeast Asia. Dianjurkan oleh Departemen Peace and Conflict Research, Uppsala University, Sweden.

³⁰ Pembentangan dilaksanakan dalam Konferensi Organisasi Masyarakat Sivil "Strategi OMS Pasca Rekonstruksi dan Perdamaian Aceh" menjadi rumusan utama buku *Investasi untuk Perubahan Aceh*, IMPACT, 2009.

³¹ Lukman (2007) *Peranan Masyarakat Sivil dalam Transformasi Konflik Aceh*. Tesis MA. Universiti Sains Malaysia.

³² Arfriani Maifizar (2006) *Hubungan Kerja Antara NGO Internasional Dan NGO Lokal Dalam Proses Rehabilitasi Dan Rekonstruksi Pasca Tsunami Di Aceh*. Tesis MA. Universitas Gadjah Mada.

wujudnya perdamaian di Aceh³³. Sedangkan Arfriani Maifizar membincangkan kaitan hubungan kerja antara NGO antarabangsa dan NGO tempatan pasca tsunami. Perbincangan yang disampaikan berkaitan dengan pelbagai kewujudan kerja antara NGO (antarabangsa dan tempatan) untuk membina semula wilayah Aceh pasca tsunami³⁴.

Berikutnya, penulisan tentang OMS di Aceh berdasarkan program dan isu yang dilaksanakan oleh pertubuhan mahupun jaringan pertubuhan, iaitu Forum LSM Aceh, Yappika³⁵, Aceh Development Fund (ADF)³⁶, IMPACT³⁷, Aceh Institute, Koalisi NGO HAM Aceh, dan Pusat Studi Wanita (PSW) UIN Ar-Raniry Banda Aceh.

Berdasarkan huraian di atas, penyelidik menghuraikannya dalam empat bahagian iaitu perkembangan OMS di Aceh, jenis atau bahagian OMS di Aceh, simbol berdikari dan potensi sumber daya OMS, serta hubungan OMS dengan pembuat dasar.

1.3.1 Perkembangan Organisasi Masyarakat Sivil di Aceh

Kewujudan OMS bukanlah sesuatu yang baru di Indonesia. Sejak awal abad ke-20 pelbagai kumpulan masyarakat yang mengurus diri serta bekerja secara berleluasa dengan kerajaan penjajahan mula muncul.

³³ Kesimpulan terkait OMS iaitu “untuk membangun kitaran perdamaian yang berterusan tersebut, penglibatan aktor dalam menjadi sangat penting, dan salah satu aktor dalam di Aceh yang berpotensi membangunkan perdamaian adalah kumpulan masyarakat sivil”.

³⁴ Salah satu kesimpulan yang disampaikan bahawa proses pemulihan dan pembangunan semula (rehabilitasi dan rekostruksi) berjalan lambat kerana hubungan kerja NGO Internasional dan NGO lokal bersifat pragmatis. Pendekatan projek yang dijalankan NGO Internasional dan NGO lokal bermanfaat bila hubungan kerja ini lebih bersifat saling menguntungkan.

³⁵ Yappika (Aliansi Masyarakat Sipil Indonesia) adalah pertubuhan peringkat nasional yang mempunyai program untuk pengembangan OMS di Indonesia, dan telah bekerjasama dengan OMS tempatan di Aceh lebih dari 20 tahun.

³⁶ Pertubuhan yang ditubuhkan pada 25 Disember 2004 di Banda Aceh, mempunyai misi untuk memberikan sokongan dana terhadap OMS lainnya di Aceh.

³⁷ Pertubuhan yang mempunyai misi meningkatkan kapasiti sumberdaya manusia untuk OMS di Aceh.

Kumpulan-kumpulan ini bergerak dalam pelbagai bidang, antaranya dalam bidang pendidikan, sosial politik, keagamaan, bahkan ekonomi. Muhammadiyah dan Nahdlatul Ulama adalah contoh pertubuhan yang lahir pada awal abad ke-20 dan masih bertahan hingga kini serta berhasil mempertahankan peranannya sebagai kekuatan penting selain pertubuhan negara³⁸.

Walaupun masa Orde Baru Soeharto menerapkan polisi yang tidak ramah terhadap berdikarinya masyarakat sivil, pada masa itu pertubuhan masyarakat sivil sebenarnya tidak mati sama sekali. Menurut Jufriadi (1994), gerakan NGO/LSM bermula pada tahun 1970 di Indonesia³⁹.

Huraian di atas menyerupai dengan keadaan di Aceh. OMS di Aceh juga sudah wujud sebelum tahun 1970-an⁴⁰. Ini dibuktikan dengan wujudnya pertubuhan keagamaan dan Dayah (pesantren) yang menangani masalah-masalah umat melalui pendidikan dan peningkatan pendapatan ekonomi rakyat⁴¹.

Selain itu, wujudnya pertubuhan juga kerana impak pelaksanaan pembangunan yang berlangsung selama Orde Baru⁴² di Indonesia. Kelahiran NGO di Aceh bermula pada saat pembukaan pejabat cawangan Perkumpulan Keluarga Berencana Indonesia (PKBI) pada tahun 1975⁴³. Namun, menurut Tabrani (2000) kewujudan NGO/Ornop/LSM merupakan pengembangan program *Save The Children* (SCF). Ia adalah sebuah pertubuhan bukan kerajaan yang berasal daripada Amerika Syarikat. SCF memulakan program pengembangan masyarakat di Tangse Pidie dan Lamteuba Aceh Besar. Di Tangse pula ditubuhkan Yayasan Badan Koordinasi Pengembangan

³⁸ Lili Hasanuddin (2009) *Kelembagaan Pertubuhan Masyarakat Sivil untuk Pembangunan Aceh yang Berkelanjutan*, makalah dibentangkan pada Persidangan OMS; Tindakan Strategis Paska Pemulihian ke Arah Pembangunan yang Berkelanjutan, Banda Aceh 22-23 Mac 2009.

³⁹ Jufriadi, 1994, *op.cit*, halaman 20.

⁴⁰ Huraian yang lebih rinci mengenai sejarah OMS di Aceh boleh dilihat, antara lain, dalam Tabrani Yunis, *Kelahiran dan Perkembangan LSM di Aceh*, makalah yang dibentangkan dalam seminar Wawasan tentang LSM Indonesia: Sejarah, Perkembangan serta Prospeknya, Jakarta, Ogos 2000.

⁴¹ Tjoetra dan Yuniver, 2009, *op.cit*, halaman 15.

⁴² Lukman, 2007, *op.cit*, halaman 112-116.

⁴³ Jufriadi, 1994, *ibid*, halaman 20.

Sosial Masyarakat dan di Lamteuba ditubuhkan Yayasan Pengembangan Masyarakat⁴⁴.

Seterusnya, pasca 1980-an, perkembangan OMS di Aceh lebih cepat. Ini kerana penglibatan pensyarah-pensyarah di universiti bagi menubuhkan NGO-NGO baru yang bertapak di Banda Aceh⁴⁵. Pelbagai usaha dalam tempoh konflik terus dijalankan dengan pendekatan *developmentalis* sampai kepada *transformatif*.

Wujudnya Pertubuhan Bukan Kerajaan (Ornop/NGO—sebutan lain dalam OMS) di Aceh pada masa itu disokong oleh idealisme atau cita-cita bagi meningkatkan taraf hidup masyarakat dalam kawasan luar bandar yang miskin dan terpinggir. Aktiviti OMS pada masa itu adalah untuk memberikan sokongan kepada rakyat miskin menerusi kegiatan-kegiatan yang bersifat pengupayaan seperti mana juga dengan aktiviti untuk meningkatkan pendapatan, pendidikan dan melibatkan aktiviti-aktiviti pembasmian kemiskinan. Namun, pada ketika itu aktiviti pengembangan yang bersifat kapitalis dan berpusat telah membawa impak negatif terhadap kehidupan rakyat dan kerosakan alam sekitar sehingga kes-kes persekitaran yang dihadapi masyarakat mula muncul walaupun ia tidak begitu menggema berbanding daerah-daerah lain. Ini kerana keadaan di Aceh masih sebagai Daerah Operasi Militer (DOM)⁴⁶.

Apabila di Aceh dalam keadaan konflik, maka banyak kemunculan OMS yang memberi perhatian terhadap HAM dan mangsa konflik, termasuk mangsa konflik dari kalangan perempuan. Pertubuhan-pertubuhan perempuan, sama ada merupakan pertubuhan mahupun dalam bentuk jaringan berkembang pesat di Aceh. Selain itu, kumpulan-kumpulan daripada mahasiswa Aceh pun wujud, sama ada yang

⁴⁴ Tabrani Yunis, 2000, *op.cit*, halaman 48.

⁴⁵ Lukman, 2007, *op.cit*, halaman 119.

⁴⁶ Hasanuddin, 2009, *op.cit*, halaman 11.

beraktiviti di dalam Aceh mahupun di luar Aceh adalah untuk menyebarkan kes-kes yang berlaku di Aceh ke atas daerah-daerah lain⁴⁷.

Seterusnya, kerja-kerja OMS di Aceh semakin meningkat pasca peristiwa bencana gempa dan tsunami. Ini sesuai dengan pernyataan Lili Hasanuddin (2009), iaitu kerja-kerja OMS Aceh yang cukup bersejarah terlihat pada saat terjadinya tsunami. Pada awal peristiwa tsunami, OMS dari pelbagai latarbelakang, pendekatan dan cara kerja secara bahu membahu mengatasi kes yang dihadapi para mangsa bencana. Kerjasama tidak hanya berlaku antara sesama OMS di Aceh, tetapi juga terjadi menerusi pelbagai OMS dari luar Aceh, baik di tingkat nasional mahupun antarabangsa, termasuk ketika masa pembinaan semula dan pemulihan berlangsung.

Manakala secara nasional pula LSM⁴⁸ mengalami *booming* dan merayakan demokratisasi, Aceh masih lagi dalam keadaan konflik⁴⁹. Namun, pasca tsunami dan perdamaian, Aceh mengalami *booming* LSM. Tamatnya konflik, keadaan politik yang kondusif, projek yang bertaburan, kehadiran pihak-pihak penyumbang dan LSM nasional memberi sumbangan besar kepada perkembangan LSM atau NGO di Aceh dalam dekad terakhir⁵⁰.

Namun cara pandang berbeza juga ditemui. Amrizal J. Prang (2008) menyatakan bahawa pada masa konflik realiti keberadaan masyarakat sivil (yang diwujudkan melalui Ormas, Ornop, dan LSM sebagai asas *civil society*) kesan tidak diakui oleh kerajaan. Bahkan, pertubuhan bukan kerajaan dikawal dan ditekan secara berlebihan antara dua pihak yang berkonflik (Kerajaan Republik Indonesia dan

⁴⁷ *Ibid*, halaman 12.

⁴⁸ LSM adalah singkatan daripada Lembaga Swadaya Masyarakat. Ia adalah sebuah pertubuhan bukan kerajaan yang dikenalkan pada masa pemerintahan Orde Baru Suharto, sebagai nama yang berbeza dari Organisasi Masyarakat Sivil (OMS) atau Organisasi Non Pemerintah (alih nama dari Non Governmental Organisation-NGO)

⁴⁹ Sutoro Eko (2009) *Dulu “Negara Membangun Daerah”, Kini “Masyarakat Sipil Mendemokrasikan Daerah”*, dalam Masyarakat Sipil Mendemokrasikan Daerah, Jakarta: Yappika.

⁵⁰ *Ibid*, halaman 13.

Gerakan Aceh Merdeka)⁵¹. Walaupun demikian, pentingnya rekonsilidasi *civil society* Aceh pasca konflik untuk dapat menyampaikan aspirasinya kepada kerajaan tanpa paksaan, tanpa intimidasi dan rekayasa siapa pun⁵².

1.3.2 Tipologi Organisasi Masyarakat Sivil di Aceh

Sebutan OMS merupakan istilah yang umum. Perkara ini bagi menampung pelbagai bentuk pertubuhan yang wujud di tengah-tengah masyarakat bagi menjalankan aktiviti secara bersendirian dan terhad daripada campurtangan kerajaan dan kumpulan peniaga. Oleh itu, OMS bukanlah setakat sebuah istilah yang hanya diperuntukkan bagi Lembaga Swadaya Masyarakat (LSM)⁵³ semata-mata, akan tetapi ia mencakupi pertubuhan-pertubuhan keagamaan, pertubuhan rakyat, kumpulan sosial, pertubuhan perempuan, pertubuhan pemuda, kumpulan tani, pertubuhan buruh, pertubuhan profesional, dan lain-lain, bahkan termasuk pertubuhan bukan kerajaan di seluruh Nusantara⁵⁴.

Dalam perkembangannya, pertubuhan masyarakat sivil kerap disebut sebagai Lembaga Swadaya Masyarakat (LSM—sebutan yang diperkenalkan oleh rejim Suharto terhadap Ornop atau NGO) yang wujud semasa Orde Baru. Pada awal tahun 1970-an muncul pelbagai pertubuhan bagi pengembangan dalam bidang pelayanan sosial dan ekonomi. Perkembangan pembangunan, terutamanya perindustrian telah mewujudkan kes-kes baru iaitu berbentuk pencerobohan persekitaran.

Sebagai tindak balas terhadap pengembangan tersebut, pada tahun 1980-an muncul banyak pertubuhan yang bergerak dalam isu-isu pengelolaan dan kelestarian

⁵¹ Amrizal J. Prang (2008) *Aceh dari Konflik ke Damai*, Banda Aceh: Bandar Publishing. Halaman 5

⁵² *Ibid*, halaman 6.

⁵³ Adi Suryadi Culla (2006) *Rekonstruksi Civil Society*, Jakarta: LP3ES. Pengertian lain tentang istilah NGO/Ornop/LSM adalah *Private Voluntary Organisation* (PVT).

⁵⁴ *Ibid*, halaman 63.

persekitaran hidup⁵⁵. Pada tahun 1990-an selari dengan berkembangnya wacana dan tuntutan perlindungan hak asasi manusia (HAM) dan demokratisasi secara global, di Indonesia muncul gerakan-gerakan LSM dalam bidang advokasi HAM dan demokrasi dengan pelbagai bentuk. Ia meliputi hak-hak sivil dan politik rakyat, menentang pencabulan HAM yang dilakukan oleh kerajaan serta menuntut demokrasi politik. Advokasi juga dilakukan terhadap pencabulan hak-hak sosial dan ekonomi seperti hak ke atas tanah dan sumber alam, hak-hak masyarakat adat, hak-hak kaum perempuan serta kesemarataan gender, dan sebagainya⁵⁶.

Runtuhnya rejim Soeharto yang diikuti dengan proses transisi menuju demokrasi; telah membawa perubahan yang signifikan di Indonesia. Ini termasuk pertumbuhan yang sangat luar biasa dari masyarakat sivil⁵⁷. Situasi ini tak jauh berbeza dengan perkembangan OMS di Aceh semasa tempoh konflik mahupun pasca bencana.

Perkara lain yang dapat dijadikan landasan pembahagian OMS berkaitan dengan penggalangan dana awam sebagai sebahagian dari upaya untuk mewujudkan berdikari. Dapatan yang diperolehi menunjukkan adanya perbezaan antara sikap dan pandangan LSM jenis developmentalis dan LSM jenis advokasi, meskipun pada asasnya kedua-dua jenis LSM tersebut sukar dibezakan dalam pelaksanaan aktivitinya⁵⁸. Di satu sisi pada LSM berorientasi developmentalis, berpendapat bahawa mereka bersedia dan terbuka dalam menggunakan dana awam bagi prestasinya, bahkan dana yang bersumber dari kerajaan sekalipun tidak dipersoalkan. Sebaliknya, di sisi lain LSM advokasi atau transformatif cenderung menolak menggunakan dana awam dan lebih memilih untuk membangun usahasama dengan

⁵⁵ Hasanuddin, 2009, *op.cit*, halaman 10.

⁵⁶ *Ibid*, halaman 10-11.

⁵⁷ *Ibid*, halaman 11.

⁵⁸ Adi Suryadi Culla (2009) *Relasi OMS dengan Negara: Mempercepat Perubahan*, disampaikan dalam Persidangan OMS Aceh, Banda Aceh 22-23 Maret 2009. Lihat *Investasi untuk Perubahan di Aceh*, Banda Aceh: IMPACT. Halaman 63.

mengandalkan sokongan penyumbang yang bersumber dari pihak-pihak bukan-kerajaan termasuk penyumbang antarabangsa⁵⁹.

Namun demikian, Culla (2009) menyatakan pilihan untuk bekerjasama dengan kerajaan atau dengan pihak asing mendapat maklumbalas yang beragam juga. Memang pada intinya semua OMS bersetuju bahawa kes utama yang dijadikan cabaran ialah LSM tidak memiliki kemampuan kendiri dan juga kemampuan yang memungkinkan mereka dapat menjalankan aktiviti-aktivitinya sendiri secara berterusan⁶⁰.

Realitinya pertubuhan masyarakat sivil di Indonesia menunjukkan bahawa sangat sukar untuk membuat satu kesefahaman yang mencakupi seluruh keragaman kawasan-kawasan di Indonesia.

Pertubuhan masyarakat sivil di setiap kawasan berkembang menurut pola yang khas. Pada umumnya, terdapat dua kesimpulan yang dikenal pasti⁶¹:

- a. Hubungan kerajaan – masyarakat sivil di Indonesia sangat dipengaruhi oleh konteks tempatan (*budaya masyarakat dan budaya politik*), kelakuan pertubuhan masyarakat sivil (*SDM dan pengurusan, kewangan, model gerakan, jaringan*), dan dinamika ekonomi politik tempatan dan nasional. Fakta-fakta yang ada menunjukkan bahawa ciri-ciri khas daerah seharusnya menjadi perhatian dalam perencanaan pengembangan masyarakat sivil.
- b. Pertubuhan masyarakat sivil merupakan potensi penting bagi proses konsolidasi demokrasi di Indonesia. Terdapat banyak LSM di peringkat tempatan yang telah memiliki kapasiti yang memadai dan mampu memberi pengaruh positif dalam mengelola hubungan negara dan masyarakat sivil. LSM-LSM ini kemudian menjadi acuan (secara tidak langsung) bagi pertumbuhan LSM-LSM baru, di

⁵⁹ *Ibid*, halaman 63.

⁶⁰ *Ibid*, halaman 63-64.

⁶¹ *Ibid*, halaman 64-65.

mana kemampuan dalam menguruskan pertubuhan, pengelolaan dana, dan kapasiti jaringan dengan badan-badan di peringkat nasional mahupun antarabangsa yang dimiliki dapat menjadi penyokong pengembangan pertubuhan masyarakat civil yang sihat di peringkat tempatan.

Selain itu, OMS di Aceh secara khas dapat pula dibahagikan mengikut wilayah kerja⁶². Berdasarkan wilayah kerja tersebut Kamarulzaman dan Lukman (2002) membahagikan kumpulan masyarakat civil Aceh dalam 3 (tiga) bahagian, iaitu garis *pertama*, terdiri dari kumpulan masyarakat civil yang bekerja di dalam wilayah Aceh. Garis *kedua*, terdiri dari kumpulan warga Aceh yang berada di luar Aceh, serta garis *ketiga* iaitu terdiri dari penyokong, yang berisikan kumpulan masyarakat civil bukan Aceh yang menumpukan perhatian dalam pembinaan perdamaian dan transformasi konflik di Aceh.

1.3.3 Simbol Berdikari dan Potensi Sumberdaya Organisasi Masyarakat Civil

Konsep berdikari OMS telah menerusi pelbagai perkembangan. Kajian yang dibuat oleh Adi Suryadi Culla mendapati bahawa konsep masyarakat civil adalah tentang masyarakat yang mandiri atau otonomi. Iaitu, sebagai entiti yang mampu memajukan diri sendiri, dapat “membatasi” tekanan kerajaan dalam realiti yang diciptakannya, serta sentiasa memperlihatkan sikap kritikal dalam kehidupan politik. Berdasar Larry Diamond (1994) terdapat empat ciri penting dan utama entiti masyarakat civil yang menjadi rujukan kajiannya, yakni kerelawanan (*voluntary*), otonomi politik berhadapan dengan negara (*political autonomy*), di samping itu aspek sokongan kendiri (*self supporting*), dan keupayaan kendiri (*self generating*)⁶³.

⁶² Lukman mengutip proposal yang tidak dipublikasikan “*Conflict Transformation in Aceh: Strengthening Civil Society as an Agenda for Peace*”, oleh Kamarulzaman Askandar dan Lukman Age, Research and Education for Peace, Universiti Sains Malaysia, 2002.

⁶³ Larry Diamond (1994) *Rethinking Civil Society: Toward Democratic Consolidation*, dalam *Journal of Democracy*, Juli 1994, halaman 5; Muhammad AS Hikam (1997) *Demokrasi dan Civil Society*. Jakarta: Pustaka

Zaim Saidi (2009) menjelaskan bahawa OMS umumnya dihadapkan pada dua cabaran iaitu di satu sisi kes sosial yang kembali meluas dan di sisi lain mengenai keberlanjutan pertubuhan dan aktiviti untuk menyokong perubahan⁶⁴. Perkara sumber daya menurut Zaim ianya diperlukan untuk (1) keberlanjutan keberadaan dan pengoperasian pertubuhan, (2) keberlanjutan aktiviti dan program, (3) pengembangan dan pertumbuhan tentang perkara (1) dan (2). Seterusnya, dinyatakan bahawa sumber daya bagi OMS tidak hanya berupa dana tunai, tapi juga berupa aset dan barang, serta tenaga dan keahlian⁶⁵.

Walau demikian, menurut Zaim Saidi terdapat isu utama lain yang penting diingat dalam hal sokongan kendiri dan sumberdaya OMS. Ia berkenaan dengan hal ehwal sumber daya tersebut dan sokongan kendiri serta kebebasan OMS dalam menjalankan visi dan misi pertubuhan.

Asal usul sumber daya umumnya terdapat dua bahagian, iaitu usaha memanfaatkan sumber daya yang tersedia dan menciptakan sumber daya sendiri. Mengenai sumber daya yang tersedia terdiri daripada sumbangan individu, sumbangan pertubuhan sosial, sumbangan pertubuhan swasta, dan sumbangan daripada kerajaan.

Kajian yang pernah dilakukan oleh Rustam Ibrahim (2000) pada 25 OMS mentakrifkan bahawa majoriti NGO masih lagi mengutamakan sumber sokongan luar negara yang mencapai 65%, dan sumber dalaman 35%. Dalam kenyataannya, pecahan ini pasti lebih besar lagi di mana 25 pertubuhan yang disoal selidik umumnya telah mapan hingga memiliki sumber dana pilihan. Dengan kata lain

LP3ES Indonesia. Halaman 3; Muhammad AS Hikam (1995) “The State, Grassroots Politics and Civil Society: A Study of Sosial Movements Under Indonesia’s New Order (1989-1994)” (Disertasi, University of Hawaii, Mei 1995), halaman. 28, dalam *Investasi untuk Perubahan di Aceh*, halaman 44.

⁶⁴ Zaim Saidi (2009) *Sumberdaya OMS: Inovasi Membangun Kemandirian*, disampaikan dalam Persidangan OMS Aceh, Banda Aceh 22-23 Maret 2009. Lihat *Investasi untuk Perubahan di Aceh*, Banda Aceh: IMPACT. Halaman 25.

⁶⁵ *Ibid*, dalam *Investasi untuk Perubahan di Aceh*, halaman 25.

sumber-sumber pilihan berasal dari dalam negeri, bukannya sama sekali tak ada.

Soalannya adalah persepsi dan “kemelekan kewangan” aktivis kita relatif rendah⁶⁶.

Berikutnya, Zaim Saidi (2004) dalam Lisa Canon (2004) menghuraikan bahawa sumber dalam negeri ini terutama adalah hasil usaha sendiri (33%), sumbangan perusahaan dan dana abadi (masing-masing 17%). Penyumbang perorangan menyumbang sebanyak 14%. Bakinya dalam jumlah lebih kecil bersumber dari kerajaan (5%) dan sumbangan OMS (Ornop/NGO/LSM) (3%), dan sumber lainnya (11%). Jelas bahawa dana pilihan itu ada meskipun sumbangannya masih relatif kecil⁶⁷.

Menurut Zaim Saidi (2009) bahawa sumber-sumber pembiayaan bagi OMS sangat pelbagai, namun secara umumnya dapat dibahagi menjadi dua, iaitu⁶⁸ :

1. Memanfaatkan sumberdaya yang tersedia, yang sumbernya dari :
 - a. Sumbangan peribadi
 - b. Sumbangan pertubuhan sosial, khasnya pertubuhan-pertubuhan derma dan penderma/dermawan, antarabangsa mahupun dalaman.
 - c. Sumbangan pertubuhan komersial (atau *Corporate Social Responsibility*-CSR).
 - d. Sumbangan dari kerajaan (bilateral mahupun multilateral, serta dalaman)
2. Menciptakan sumberdaya sendiri (*earned income*).

Berdasarkan rujukan tersebut boleh difahami bahawa OMS masih sangat bergantung kepada sokongan dari pihak penyumbang, sama ada kerajaan mahupun swasta di peringkat nasional dan antarabangsa. Hal ini tentunya bertentangan dengan

⁶⁶ Lisa Canon (2004) *Menjadi Ornop Mandiri*, Jakarta: Yayasan Obor Indonesia. Halaman xiv.

⁶⁷ *Ibid*, halaman xiv.

⁶⁸ Zaim Saidi, 2009, *op.cit*, halaman 25.

ciri utama OMS seperti yang disampaikan di atas. Bagi keperluan jangka panjang dan masa hadapan adalah penting untuk mengidentifikasi sumber-sumber daya yang strategis bagi OMS, sama ada di Indonesia maupun khasnya di Aceh.

1.3.4 Hubungan Organisasi Masyarakat Sivil dengan Pembuat Dasar

Sebelum reformasi tahun 1998, hubungan OMS dengan pembuat dasar (kerajaan) tidak berjalan baik, bahkan saling bertentangan satu dengan lainnya. Mengingat situasi politik dan kerajaan yang bersifat rasuah dan kuku besi, ia menjadi gambaran umum di Indonesia, termasuk di Aceh.

Namun, pasca reformasi dan konflik di Aceh, pola hubungan mengalami perubahan. Pengalaman yang paling menarik berlangsung pasca penandatanganan kesepakatan damai antara Kerajaan RI dengan GAM, 15 Ogos 2005 lalu. Interaksi secara langsung antara pembuat dasar (Kerajaan Aceh dan legislatifnya) dengan kumpulan OMS sangat dirasakan dengan pembentukan draf UU tentang Kerajaan Aceh. Bahkan, interaksi ini masih bertahan hingga pembentukan beberapa Qanun lainnya⁶⁹ sebagai peraturan turunan dari undang-undang untuk Aceh.

Hubungan baik tersebut berlaku dalam wujud pelbagai aksi, seperti melalui perbincangan, sokongan maklumat, bahkan pembentukan draf UU. Proses yang dimaksudkan tidak hanya berlaku di Dewan Perwakilan Rakyat Daerah (DPRD)⁷⁰ namun turut menghimpunkan pelbagai penyertaan masyarakat. Ia berlangsung pada pembahasan UU tentang Pemerintahan Aceh di Dewan Perwakilan Rakyat Republik Indonesia (DPR RI).

⁶⁹ Tjoetra dan Ferry Yunifer, 2009, *op.cit*, halaman 43.

⁷⁰ Dewan Perwakilan Rakyat Daerah (DPRD) adalah pejabat legislatif tingkatan provinsi. Pasca pengesahan UU tentang Pemerintahan Aceh (UU PA) DRPD Propinsi Aceh disebut sebagai Dewan Perwakilan Rakyat Aceh (DPRA).

Proses ini berlangsung selama tempoh penanganan pasca bencana. Dalam hal ini, wujud interaksi langsung antara OMS dengan pembuat dasar selama tempoh pemulihan dan pembinaan semula. BRR NAD-Nias, menjadi salah satu bahagian penting yang telah menyumbang untuk OMS mempercepatkan perubahan di Aceh.

Seterusnya, berdasar Philip Eldridge (1989) dan Adi Suryadi Culla (2006) memberikan pengukuhan mengenai tesis bahawa keberadaan Ornop tidak terlepas dari realiti sistem politik di suatu kerajaan. Apabila demokrasi berfungsi dengan baik di suatu negara, Ornop tidak dianggap sebagai ancaman terhadap kekuasaan (negara). Bahkan, Ornop dijadikan sekutu kerajaan kerana kehadirannya dapat mengisi ruang awam dalam rangka pembentukan agenda⁷¹.

1.3.5 Pembinaan Perdamaian Berterusan di Aceh

Peacebuilding di Aceh, telah pun bermula sejak lama dengan keterlibatan –pihak-pihak di pelbagai peringkat (*multi track/multi level*). Berkaitan ini ahli-ahli akademik menyenaraikan masyarakat sivil sebagai satu antara pihak yang dapat menyokong proses penyelesaian konflik, transformasi konflik dan pembinaan perdamaian⁷².

Pembinaan perdamaian (*peacebuilding*) di Aceh bermula sejak tahun 1998. Perkara ini selari dengan perkembangan OMS di Aceh. Iaitu sejak reformasi berlaku di Nusantara, termasuk di Aceh dengan permulaan dari kalangan kampus atau pensyarah.

Menurut Kusnanto Anggoro (2009) bahawa *peacebuilding* dengan ataupun tanpa atributif waktu yang kerap menyertainya, terutama digunakan dalam penamatan konflik yang melibatkan pihak ketiga. Oleh itu kerap dianggap sebagai campurtangan pihak ketiga (*third party intervention*). Seterusnya, *peacebuilding*,

⁷¹ Philip Eldridge (1989) “ORNOP dan Negara” Prisma, No. 7, Thn. XVIII. Halaman 214-215. Lihat Culla, 2006, *Rekonstruksi Civil Society*, LP3ES. Halaman 81.

⁷² Lukman, 2007, *op.cit*, halaman 31.

dalam konteks seperti itu, pada umumnya bermula dari tercapainya persetujuan damai (gencatan senjata, *cessation of hostilities*) dan berakhir dengan penarikan pihak ketiga tersebut⁷³.

Huraian perdamaian, Galtung (1967) membahagikan berdasarkan perkara-perkara penting dengan merujuk kepada jenis keganasan yang berlaku. Jenis keganasan dimaksud ialah keganasan budaya, struktur dan keganasan langsung. Ia terbahagi ke atas 2 (dua) bahagian, iaitu perdamaian negatif dan perdamaian positif. Perdamaian negatif bermakna sebagai keadaan yang tidak berwujud keganasan kolektif yang terancang (*absence of organized collective violence*). Adapun perdamaian positif iaitu keadaan berwujud nilai-nilai yang relatif telah disepakati oleh masyarakat dunia, antaranya; wujud kerjasama, bebas daripada ketakutan, bebas daripada kekurangan, ekonomi tumbuh dan berkembang, tidak adanya eksloitasi, persamaan, keadilan, bebas bertindak, pluralisme dan dinamisme⁷⁴.

Berikutnya, Anggoro (2009) menyatakan bahawa makna *peacebuilding* yang menjangkau tujuan untuk membangun perdamaian positif (*positive peace*) seperti dimaksud oleh Galtung jarang ditemukan. Para *developmentalist* yang mempercayai pembangunan sebagai isu utama untuk menciptakan perdamaian saja mendefinisikan *peacebuilding* tidak lebih dari sekadar "membantu untuk mencegah keadaan memburuk menjadi konflik kekerasan, ataupun berbagai bentuk tekanan dari ketertiban umum; dan sama sekali tidak dimaksudkan untuk memenuhi tuntutan inklusif menghilangkan konflik sepenuhnya". Kata kerja "membantu untuk mencegah (*help to prevent*) dengan sendirinya mengakui keterbatasan kegunaan *peacebuilding* itu sendiri"⁷⁵.

⁷³ Anggoro (2009) dalam Propatria "Post-Conflict Peacebuilding", Naskah Akademik untuk Penyusunan Manual. Halaman 6.

⁷⁴ Johan Galtung (1967) *Theories of Peace; A Synthetic Approach to Peace Thinking*, Oslo: International Peace Research Institute. Halaman 17.

⁷⁵ Anggoro, 2009, *ibid*, halaman. 5.

Namun terlepas dari pelbagai perkara itu, Anggoro (2009) menekankan bahawa keberkesanan *peacebulding* juga memiliki kekurangan. Dihuraikan bahawa masyarakat pasca konflik tidak mudah untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran baru. Kesefahaman damai kerap meninggalkan sejumlah kes yang tidak dapat dengan mudah diselesaikan. Kes-kes baru acapkali wujud sehingga memperuncing semula keselarasan yang belum sepenuhnya terbentuk. Proses perundingan yang tidak melibatkan seluruh pihak yang berkonflik dengan sendirinya akan mengikis legitimasi rejim pasca konflik. Dengan itu, pihak-pihak yang berkonflik kembali mengangkat senjata⁷⁶. Collier dan Sambanis (2002) menghuraikan bahawa persefahaman damai menjadi penting untuk memastikan agar tidak berlaku pengulangan konflik atau kembali di medan perang⁷⁷.

Pada masa setelah perundingan, masyarakat sivil boleh berperanan dalam memberikan sokongan pada pembinaan semula infrastruktur dan mempromosikan aktiviti-aktiviti rekonsiliasi serta menjalankan inisiatif-inisiatif untuk membina kembali atau menghubungkan kembali masyarakat dalam hubungan yang saling menghargai⁷⁸. Perbincangan mengenai konsep OMS dihuraikan lebih mendalam di Bab 2 dan kelangsungan konflik dan perdamaian Aceh dihuraikan di Bab 3. Selanjutnya, peranan OMS di Aceh sebelum dan pasca MoU Helsinki dihuraikan pada Bab 4.

⁷⁶ *Ibid*, halaman 5.

⁷⁷ Collier, P., & Sambanis, N. (2002) *Understanding Civil War: A New Agenda*. Journal of Conflict Resolution, 46(1), 3-12. Sage Publications.

⁷⁸ Lukman, 2007, *op.cit*, halaman 33.

1.4 Kerangka Konseptual Teori Kajian

1.4.1 Masyarakat Civil dan Organisasi Masyarakat Civil

Istilah masyarakat civil sebetulnya telah diperdebatkan sejak abad 17. Pada masa itu muncul paradigma tiga sektor yang dikenali sebagai pasar, kerajaan dan warga masyarakat⁷⁹. Keith Faulks (2010) menghuraikan bahawa konsep masyarakat civil memiliki beberapa pengertian sepanjang sejarah⁸⁰. Seterusnya, beliau menyatakan pada abad ke tujuh belas, Hobbes dan Locke membezakan antara masyarakat civil yang dibentuk melalui sebuah kontrak antara para individu yang meluluskan pembentukan kerajaan perlindungan, dengan sebuah kerajaan semulajadi yang tak bernegara dan tidak aman⁸¹.

Idea-idea paling tua tentang masyarakat civil muncul di zaman Yunani Kuno, yang mana Aristotle (384-322 SM) menyebutnya sebagai *politike koinomia*, yang bermakna komuniti warga kota (negara), yang menekankan kolektiviti (kebersamaan) yang mana warga terlibat langsung dalam pelbagai proses ekonomi-politik. Cicero (106-43 SM), yang merupakan ahli mengelola kerajaan di masa Julius Caesar, menggunakan istilah *societas civilis* bagi merujuk kepada komuniti warga Roma yang berdasarkan pada budaya individu dan masyarakat⁸².

Fahaman lainnya⁸³ mengenai masyarakat civil dapat mengacu pada CIVICUS—sebuah pertubuhan bukan keuntungan peringkat antarabangsa yang dianggotai OMS dan individu—menyatakan bahawa⁸⁴ sebuah arena yang berbeza dari negara dan pasar, dimana anggota masyarakat berkumpulan dan berinteraksi satu

⁷⁹ Suryaningati, 2002, *op.cit*, halaman 3.

⁸⁰ Keith Faulks (2010) *Sosiologi Politik: Pengantar Kritis*, Penerjemah Helmi Mahadi dan Shohifullah, Bandung: Nusa Media. Halaman 49.

⁸¹ *Ibid*, halaman 49.

⁸² Culla, 2006, *op.cit*, halaman 44.

⁸³ Pelbagai definisi lainnya tentang OMS dihuraikan dalam Bab II terkait dengan sejarah perkembangan masyarakat civil dan OMS.

⁸⁴ Suryaningati, 2002, *ibid*, halaman 9.